

SEKSYEN 1

Perspektif Keseluruhan Dasar Fiskal

3	PERSPEKTIF KESELURUHAN
3	MEMPERKUKUH RANGKA KERJA FISKAL DALAM TEMPOH PASCAPANDEMIK
4	KEDUDUKAN FISKAL 2022
5	TINJAUAN 2023
6	RANGKA KERJA FISKAL JANGKA SEDERHANA 2023 - 2025
7	KESIMPULAN

SEKSYEN 1

Perspektif Keseluruhan Dasar Fiskal

Perspektif Keseluruhan

Dasar fiskal telah memainkan peranan penting dalam memacu pemulihan ekonomi negara untuk kembali kepada tahap prapandemik. Pelaksanaan dasar yang pantas dan berani termasuk pembiayaan bagi program vaksinasi yang meluas dan langkah segera untuk meringankan beban rakyat dan perniagaan telah membolehkan Kerajaan mengurangkan impak pandemik dengan berkesan. Selain itu, pembukaan semula sempadan antarabangsa telah merancakkan kembali aktiviti perniagaan dan sosial seterusnya mempercepat proses pemulihan ekonomi. Justeru, ekonomi berkembang kukuh sebanyak 6.9% pada separuh pertama 2022 dengan situasi pasaran buruh yang bertambah baik.

Walaupun ekonomi domestik semakin mengukuh, namun usaha untuk membendung tekanan inflasi terus menjadi cabaran. Pergolakan geopolitik di Eropah Timur telah meningkatkan tekanan inflasi yang menyebabkan kenaikan harga komoditi utama dan gangguan rantaian bekalan global. Oleh itu, Kerajaan telah mengambil langkah awal bagi membendung kenaikan harga dengan menyediakan subsidi tambahan ke atas beberapa barangan dan perkhidmatan penting bagi mengurangkan peningkatan kos sara hidup. Kerajaan juga terus menyediakan sokongan fiskal melalui inisiatif yang dibiayai oleh Kumpulan Wang COVID-19 (KWC-19).

Kerajaan sedang merangka dasar dengan mengambil kira pemulihan yang tidak seimbang merentasi sektor dan kumpulan demografi. Penekanan akan diberi dalam merangka strategi bersesuaian bagi kumpulan rentan yang masih bergelut untuk pulih dalam

tempoh pascapandemik terutamanya kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Kerajaan juga akan terus mempercepat penerimgunaan digitalisasi dan automasi bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Selain itu, agenda pembangunan mampan dan inklusif kekal sebagai antara bidang tumpuan utama Kerajaan dalam merangka bajet tahunan. Dari segi kewangan awam, Kerajaan akan memperkukuh kedudukan fiskal secara berperingkat bagi mengimbangi momentum pemulihan ekonomi dan kemampuan fiskal jangka masa panjang.

Memperkukuh Rangka Kerja Fiskal dalam Tempoh Pascapandemik

Pandemik telah memberi impak kepada kewangan awam dan menjejaskan usaha konsolidasi fiskal Kerajaan daripada trajektori asal berikutan pelaksanaan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi yang menyebabkan peningkatan perbelanjaan dan kehilangan hasil. Defisit belanjawan serta hutang Kerajaan meningkat dengan ketara sejak 2020 dan memerlukan pembaharuan fiskal yang holistik dalam jangka masa sederhana. Walaupun pembaharuan diperlukan untuk mencapai kemampuan kewangan awam, namun Kerajaan tidak akan menarik balik sokongan fiskal secara pramatang kerana tindakan tersebut boleh menjejaskan pemulihan ekonomi pascapandemik.

Objektif utama pembaharuan fiskal adalah untuk meluaskan asas hasil, meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan ketelusan dalam

pengurusan fiskal. Langkah pembaharuan segera seperti menyemak semula rangka kerja percukaian dan melaksanakan subsidi lebih bersasar penting untuk memastikan kemampanan kutipan hasil dan keberkesanan perbelanjaan. Langkah ini merupakan sebahagian daripada Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) dan Semakan Semula Perbelanjaan Awam yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan selari dengan Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA). Cadangan rangka kerja FRA secara prinsipnya telah diluluskan oleh Jemaah Menteri dan dijangka dibentangkan di Parlimen pada akhir 2022.

Secara keseluruhan, Kerajaan komited untuk memperkukuh rangka kerja dasar fiskal, menyokong momentum pemulihan ekonomi, memastikan pertumbuhan yang mampan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Pada masa yang sama, konsolidasi fiskal akan dipercepat melalui peningkatan hasil dan perbelanjaan berhemat. Kerajaan juga akan menggubal dasar fiskal dengan menumpukan kepada usaha mewujudkan ruang fiskal, membina daya tahan ekonomi dan meningkatkan keyakinan pelabur dalam jangka masa panjang.

Kedudukan Fiskal 2022

Kerajaan mengunjurkan defisit fiskal sebanyak 6% daripada KDNK dalam Bajet 2022 berdasarkan prospek ekonomi yang lebih baik berikutan pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial. Kedudukan fiskal terus bertambah baik pada separuh pertama 2022 terutamanya disebabkan pengukuhan permintaan domestik yang menyumbang kepada kutipan hasil menggalakkan. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan global telah menyebabkan peningkatan harga komoditi seterusnya memaksa Kerajaan menyusun semula keutamaan perbelanjaan bagi menyediakan sokongan fiskal terutamanya subsidi tambahan untuk mengurangkan beban kewangan rakyat susulan kenaikan inflasi dan kos sara hidup. Peningkatan peruntukan subsidi sebahagiannya dijangka diimbangi oleh pendapatan tambahan daripada dividen dan cukai berkaitan komoditi.

Unjuran prestasi ekonomi domestik yang kukuh dan harga komoditi yang tinggi dijangka menyumbang kepada peningkatan kutipan hasil pada 2022. Hasil dianggar meningkat kepada RM285.2 bilion atau 16.7% daripada KDNK terutamanya daripada hasil cukai dan bukan cukai iaitu peningkatan sebanyak 21.9% berbanding anggaran belanjawan. Peningkatan hasil cukai terutamanya disumbangkan oleh Cukai Makmur, Program Khas Pengakuan Sukarela dan cukai berkaitan komoditi manakala hasil bukan cukai terutamanya daripada dividen tambahan PETRONAS sebanyak RM25 bilion.

Jumlah perbelanjaan Kerajaan dijangka berkembang sebanyak 16% kepada RM385.3 bilion berbanding anggaran belanjawan RM332.1 bilion bagi menyediakan sokongan fiskal mencukupi untuk melindungi rakyat dan perniagaan daripada kenaikan inflasi dan kos sara hidup. Perbelanjaan mengurus (OE) dijangka meningkat sebanyak RM51.2 bilion atau 21.9% kepada RM284.7 bilion dengan peruntukan subsidi dan bantuan sosial sebanyak RM58.9 bilion. Sebaliknya, perbelanjaan pembangunan (DE) dijangka berkurang sebanyak 5% daripada anggaran belanjawan kepada RM71.8 bilion berikutan penyusunan semula keutamaan program dan projek serta penyesuaian semula perbelanjaan berdasarkan kemajuan pelaksanaan. Pada Julai 2022, Kementerian Kewangan mengeluarkan pekeliling mengenai garis panduan perbelanjaan awam yang memerlukan semua kementerian menyusun semula keutamaan peruntukan bagi perbelanjaan kritikal dan mengoptimum perbelanjaan melalui langkah penjimatan kos. Selain itu, perbelanjaan KWC-19 diunjur sebanyak RM28.8 bilion bagi meneruskan sokongan kepada pemulihan perniagaan dan meringankan beban kewangan isi rumah akibat pandemik.

Secara keseluruhan, paras defisit dianggar meningkat secara marginal kepada RM99.5 bilion berikutan jangkaan perbelanjaan lebih tinggi bagi OE dan KWC-19. Walau bagaimanapun, defisit fiskal keseluruhan

JADUAL 1.1. Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan, 2021 – 2023

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)		
	2021	2022 ³	2023 ⁴	2021	2022 ³	2023 ⁴	2021	2022 ³	2023 ⁴
Hasil	233,752	285,217	272,570	3.9	22.0	-4.4	15.1	16.7	15.0
Perbelanjaan mengurus	231,516	284,700	272,340	3.1	23.0	-4.3	15.0	16.6	15.0
Baki semasa	2,236	517	230				0.0	0.1	0.0
Perbelanjaan pembangunan kasar	64,257	71,800	95,000	25.1	11.7	32.3	4.2	4.2	5.2
Tolak: Terimaan balik pinjaman	990	600	700	-21.4	-39.4	16.7	0.1	0.0	0.0
Perbelanjaan pembangunan bersih	63,267	71,200	94,300	26.3	12.5	32.4	4.1	4.2	5.2
Kumpulan Wang COVID-19 ¹	37,711	28,800	5,000	-0.8	-23.6	-82.6	2.4	1.7	0.3
Baki keseluruhan	-98,742	-99,483	-99,070				-6.4	-5.8	-5.5
Baki primer²	-60,673	-56,383	-52,970				-3.9	-3.3	-2.9

¹ Kumpulan wang amanah khusus di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi

² Tidak termasuk bayaran khidmat hutang

³ Anggaran disemak

⁴ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Bajet 2023

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

berbanding KDNK diunjur terus berkurang kepada 5.8% selaras dengan peningkatan kutipan hasil dan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik daripada jangkaan. Justeru, defisit baki primer yang tidak termasuk bayaran khidmat hutang dijangka mencatat 3.3% daripada KDNK.

Tinjauan 2023

Persekitaran global dijangka kekal tidak menentu berikutan ketegangan geopolitik berterusan dan unjuran pertumbuhan yang lebih perlahan. Harga komoditi utama pula dijangka lebih rendah berikutan pengurangan permintaan terutamanya berkaitan tenaga. Oleh itu, dasar fiskal pada 2023 akan terus responsif bagi menyokong momentum pertumbuhan ke arah mencapai agenda pembangunan negara. Agihan sumber fiskal akan dilaksana melalui pendekatan lebih bersasar dan mengikut bidang keutamaan bagi meningkatkan kapasiti ekonomi dan daya saing. Bajet Kerajaan kekal mengembang bagi

menyediakan sokongan fiskal yang mencukupi dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan melaksanakan pembaharuan ekonomi di samping meneruskan pelan konsolidasi fiskal.

Kutipan hasil Kerajaan Persekutuan pada 2023 diunjur lebih rendah sebanyak RM272.6 bilion atau 15% daripada KDNK berikutan jangkaan pengurangan kutipan hasil bukan cukai. Hasil bukan cukai dianggarkan sebanyak RM67 bilion iaitu merosot 23% berbanding 2022 disebabkan oleh jangkaan terimaan dividen daripada entiti kerajaan yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, hasil cukai kekal sebagai penyumbang utama dan dijangka berkembang sederhana sebanyak 3.7% kepada RM205.6 bilion selari dengan unjuran pemulihan ekonomi yang lebih perlahan.

Kerajaan telah memberi suntikan fiskal yang besar sejak tiga tahun lalu bagi menyokong ekonomi, perniagaan dan rakyat. Selaras dengan pendekatan perbelanjaan lebih bersasar, jumlah perbelanjaan pada 2023 diunjur berkurang sedikit kepada

RM372.3 bilion atau 20.5% daripada KDNK terutamanya disebabkan oleh penamatan KWC-19. Peruntukan bagi OE berkurang kepada RM272.3 bilion terutamanya disebabkan oleh pengurangan subsidi berikutan jangkaan harga komoditi lebih rendah dan langkah secara beransur-ansur ke arah pemberian subsidi lebih bersasar. Selain itu, DE dijangka meningkat dengan ketara kepada RM95 bilion berikutan peruntukan lebih tinggi untuk program dan projek di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) seperti pembinaan lebuh raya dan landasan kereta api, fasiliti perubatan serta institusi pendidikan. Sejumlah USD3 bilion disediakan untuk penebusan bon 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Di samping itu, sebanyak RM5 bilion adalah untuk pembayaran tertunggak bagi komitmen KWC-19 yang dibuat pada 2022 seperti termaktub dalam Seksyen 8 (1) Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830].

Secara keseluruhan, defisit fiskal dijangka berkurang kepada 5.5% daripada KDNK selari dengan komitmen Kerajaan ke arah mengukuhkan kedudukan fiskal bagi memastikan kewangan awam yang lebih mampan dalam jangka masa sederhana. Selain itu, defisit baki primer turut dianggar berkurang kepada 2.9% daripada KDNK. Langkah konsolidasi fiskal akan dipercepat selepas tekanan inflasi berkurangan dan ekonomi pulih sepenuhnya berpandukan Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF).

Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana 2023 - 2025

Unjuran jangka sederhana 2023 - 2025 adalah berdasarkan andaian makroekonomi terkini mengambil kira persekitaran global dan harga komoditi semasa. Oleh itu, MTFF 2023 - 2025 disemak semula dengan asas

andaian purata pertumbuhan KDNK sebenar pada 6%, harga minyak mentah pada USD90 setong dan pengeluaran minyak mentah yang stabil sebanyak 530,000 tong sehari. Andaian ini menyumbang kepada unjuran hasil yang konservatif dan peruntukan perbelanjaan berhemat dalam tempoh MTFF.

Jumlah hasil jangka masa sederhana diunjur sebanyak RM854.3 bilion atau 14.7% daripada KDNK disumbangkan oleh hasil bukan petroleum sebanyak RM699.5 bilion atau

JADUAL 1.2. Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF), 2023 - 2025

	2023 - 2025	
	RM BILION	BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)
Hasil	854.3	14.7
<i>Bukan Petroleum</i>	699.5	12.0
<i>Berkaitan Petroleum</i>	154.8	2.7
Perbelanjaan mengurus	842.8	14.5
Baki semasa	11.5	0.2
Perbelanjaan pembangunan kasar	263.9	4.5
<i>Tolak: terimaan balik pinjaman</i>	1.9	0.0
Perbelanjaan pembangunan bersih	262.0	4.5
Kumpulan Wang COVID-19 ¹	5.0	0.1
Baki keseluruhan	-255.5	-4.4
Baki Primer	-106.4	-1.8
Asas andaian:		
Purata pertumbuhan KDNK benar (%)	4.5	
Purata pertumbuhan KDNK nominal (%)	6.4	
Purata harga minyak mentah (USD setong)	90	
Purata pengeluaran minyak (tong sehari)	530,000	

¹ Kumpulan wang amanah khusus ditubuhkan di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi

Nota: Anggaran MTFF tidak termasuk langkah belanjawan
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

12% daripada KDNK dan hasil berkaitan petroleum sebanyak RM154.8 bilion atau 2.7% daripada KDNK. Kerajaan akan meneruskan usaha meningkatkan kutipan hasil dengan menambah baik asas hasil, mengurangkan ketirisan dan meneroka sumber hasil baharu berpandukan MTRS.

Dari segi perbelanjaan, jumlah siling indikatif bagi tempoh tiga tahun dianggar sebanyak RM1,111.7 bilion atau 19.1% daripada KDNK dengan OE sebanyak RM842.8 bilion atau 14.5% daripada KDNK dan DE pada RM263.9 bilion atau 4.5% daripada KDNK. Secara keseluruhan, defisit fiskal dijangka berkurang secara berperingkat dengan purata baki keseluruhan sebanyak 4.4% daripada KDNK bagi tempoh MTRF. Defisit lebih rendah akan memberi fleksibiliti kepada Kerajaan bagi menyediakan ruang fiskal dan melaksanakan langkah kitaran balas sekiranya berlaku krisis pada masa hadapan.


Kesimpulan

Tempoh pascapandemik membolehkan Kerajaan meneruskan inisiatif pembaharuan bagi mengukuhkan daya tahan ekonomi dan kewangan awam terhadap kejutan masa hadapan. Penerbitan kertas konsultasi awam mengenai alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG); perolehan berkaitan


penyelidikan dan pembangunan; perolehan hijau; perundangan cukai; subsidi bersasar; dan pembiayaan pembangunan mampan menunjukkan komitmen Kerajaan ke arah memudah cara pembaharuan menyeluruh dalam aspek ekonomi dan sosial serta pengurusan kewangan awam. Maklum balas dan input daripada orang ramai dan pihak berkepentingan sentiasa diambil kira dalam penggubalan dasar Kerajaan.

Melangkah ke hadapan, Kerajaan komited untuk meningkatkan kredibiliti pelaksanaan dasar dan rangka kerja fiskal melalui pembaharuan yang holistik. Kesan buruk pandemik ke atas negara yang mempunyai asas ekonomi yang lemah menyerlahkan kepentingan pembaharuan fiskal proaktif bagi memastikan kemampanan fiskal jangka masa panjang. Justeru, pengalaman negara lain dalam melaksanakan inisiatif pembaharuan fiskal menjadi rujukan bernilai kepada Kerajaan dalam mengguna pakai inisiatif berdasarkan amalan terbaik antarabangsa. Antara inisiatif pembaharuan termasuk langkah meningkatkan hasil dan program rasionalisasi subsidi bagi memastikan kemampanan fiskal dan kemampuan keberhutangan. Secara keseluruhan, Kerajaan bertanggungjawab memastikan rangka kerja fiskal yang berkesan dan cekap bagi meningkatkan kredibiliti dasar fiskal di samping mengekalkan kestabilan makroekonomi dan melindungi kesejahteraan rakyat.


RAJAH 1.1. Baki Keseluruhan dan Primer Kerajaan Persekutuan



RAJAH 1.2. Hasil, Perbelanjaan Mengurus dan Baki Semasa Kerajaan Persekutuan




RAJAH 1.3. Baki Keseluruhan MTFF Kerajaan Persekutuan



¹ Anggaran disemak
² Anggaran belanjaan tidak termasuk langkah Bajet 2023
 Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

RAJAH 1.4. Kedudukan Fiskal Disemak Semula 2022



³ Termasuk tambahan dividen PETRONAS (RM25 bilion)
⁴ Mengambil kira semakan semula KDNK nominal yang lebih tinggi
⁵ Tambahan pinjaman